



# **UNDANG-UNDANG BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 6**

**MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH**

Disediakan dan Diterbitkan di bawah  
Kebenaran Akta Semakan Undang-Undang (Penggal 1)

**UNDANG-UNDANG BRUNEI**

**EDISI SEMAKAN 1984**

**PENGGAL 6**

**MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH**

**SUSUNAN BAB**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Bab**

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PERLEMBAGAAN**

3. Mahkamah-Mahkamah Rendah.
4. Bangunan-bangunan Mahkamah.
5. Meterai Mahkamah.
6. Surat perintah Mahkamah-Mahkamah.
7. Perbicaraan-perbicaraan tertutup dsb.
8. Penghinaan.

**BAHAGIAN III**

**LANTIKAN-LANTIKAN, KUASA-KUASA DAN  
TUGAS-TUGAS**

9. Lantikan Majistret.
10. Korona.
11. Lantikan-lantikan Pendaftar dan Timbalan-timbalan Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Majistret.
12. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Timbalan-timbalan Pendaftar
13. Pegawai-pegawai rendah.
14. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas pegawai-pegawai rendah tertentu.
15. Kuasa-kuasa istimewa bailif-bailif.

**BAHAGIAN IV**

**BIDANGKUASA**

16. Bidangkuasa jenayah Mahkamah-Mahkamah Majistret. Penggal 7.
17. Bidangkuasa sivil Mahkamah-Mahkamah Majistret.
18. Rayuan-rayuan sivil daripada Mahkamah-Mahkamah Majistret.
19. Kuasa Mahkamah Tinggi untuk meminta rekod-rekod Perbicaraan Sivil dalam Mahkamah-Mahkamah Majistret.
20. Kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi mengenai pengkajian semula Perbicaraan Sivil.

21. Tidak boleh dikaji semula atas permintaan pihak yang sepatutnya boleh merayu.
22. Rujukan-rujukan Sivil.

**BAHAGIAN V**

**AM**

**RAMPAN**

23. Perlindungan bagi pegawai-pegawai kehakiman dan lain.
24. Hakim-hakim akan mempunyai kuasa Majistret-Majistret.
25. Aturan-aturan Mahkamah.

## AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH RENDAH

11 tahun  
1982.  
S.32/88.

**Satu Akta untuk menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Majistret sebagai mahkamah-mahkamah rendah di Negara Brunei Darussalam, untuk mengadakan syarat bagi perlantikan korona-korona, untuk meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlombagaan, bidangkuasa dan kuasa-kuasa mahkamah-mahkamah rendah serta menyelenggarakan keadilan di dalamnya.**

S.2/83.

*Permulaan kuatkuasa : 1 Januari, 1983.*

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

Gelaran  
pendek.

**1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah.**

Tafsiran.

**2. Di dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —**

Penggal 5.

“tindakan” bermakna sesuatu langkah perbicaraan sivil yang dimulakan dengan saman atau dengan sesuatu cara lain yang mungkin ditetapkan oleh Aturan-aturan Mahkamah ;

“hakim” mempunyai makna yang diberikan kepada perkataan itu oleh bab 2 dari Akta Mahkamah Besar ;

“putusan hakim” termasuk dikri, perintah, hukum atau keputusan ;

“pegawai kehakiman” bermakna seseorang majistret, korona atau pendaftar ;

“pendaftar” bermakna pendaftar mahkamah-mahkamah rendah dan termasuk seseorang timbalan pendaf tar ;

“Aturan Mahkamah” bermakna Aturan-aturan Mahkamah yang dibuat di bawah Akta ini dan termasuk borang-borang;

“meterai” termasuk cap.

## BAHAGIAN II

### PERLEMBAGAAN

**3.** Mahkamah-Mahkamah Majistret adalah menjadi mahkamah-mahkamah rendah di Negara Brunei Darussalam dengan mempunyai bidangkuasa sebagaimana yang diberikan oleh Akta ini.

Mahkamah-Mahkamah Rendah.

**4.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menubuhkan dengan nama-nama yang bersesuaian beberapa Mahkamah Majistret sebagaimana yang Baginda fikirkan patut, dan akan menentukan sesuatu tempat atau tempat-tempat sebagai bangunan mahkamah atau bangunan-bangunan mahkamah bagi tiap-tiap mahkamah sedemikian.

Bangunan-bangunan Mahkamah.

**5.** Mahkamah-Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai dan menggunakan pada ketika yang mungkin dikehendaki sesuatu meterai atau meterai-meterai sejenis yang Hakim Besar mungkin, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menentukan.

Meterai Mahkamah.

**6.** Semua surat writ, saman, waran, perintah, notis dan surat perintah termesti yang lain yang dikeluarkan oleh Mahkamah-Mahkamah Majistret hendaklah ditandatangani oleh seseorang pegawai kehakiman dan hendaklah mempunyai meterai mahkamah yang mengeluarkannya.

Surat perintah Mahkamah-Mahkamah.

**7. (1)** Tempat di dalam mana-mana Mahkamah Majistret itu diadakan, hendaklah dianggap sebuah mahkamah terbuka dan awam ke mana orang ramai amnya boleh memasuki :

Perbicaraan-perbicaraan tertutup dsb.

Dengan syarat bahawa —

(a) mahkamah mempunyai kuasa untuk mendengar apa jua pembicaraan atau mana-mana bahagian daripadanya secara tertutup jika mahkamah berpuashati bahawa adalah mustahak bagi kepentingan-kepentingan keadilan, keselamatan awam atau kewajaran, atau kerana sebab lain yang memadai untuk berbuat demikian ; dan

(b) mahkamah hendaklah biasanya mengeluarkan saksi-saksi sehingga mereka itu memberikan keterangan dalam pembicaraan di mana mahkamah menjalankan bidangkuasa jenayah menurut bab 16.

(2) Sesebuah Mahkamah Majistret boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya tiada sebarang orang boleh menyiarkan nama, alamat atau gambar foto mana-mana saksi dalam sebarang pembicaraan atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa jua keterangan atau apa jua perkara lain yang mungkin menyebabkan pengenalan mana-mana saksi sedemikian ; dan sesiapa jua yang bertindak dengan melanggar mana-mana perintah sedemikian boleh dikenakan hukuman denda sebanyak \$5,000 dan penjara selama satu tahun.

Penghinaan.

8. Jika apa jua penghinaan dilakukan di hadapan sesebuah Mahkamah Majistret, mahkamah itu boleh, pada bila-bila masa sebelum mengakhiri pada hari itu juga, mengambil tahu mengenai kesalahan itu, mencatatkan hal-halnya yang menjadikan kesalahan itu serta pernyataan, jika ada, yang dibuat oleh pesalah itu dan menghukum pesalah itu denda yang tidak melebihi \$1,000 dan penjara selama 6 bulan :

Dengan syarat bahawa mahkamah itu boleh, atas pertimbangannya, melepaskan pesalah itu atau mengurangkan hukumannya apabila ia meminta maaf sehingga kepuasan mahkamah :

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam mana-mana hal yang penghinaan itu boleh dikenakan hukuman sebagai sesuatu kesalahan di bawah bab 175, 178, 179, 180 atau 228 dari Kanun Hukuman Jenayah, mahkamah boleh sebagai ganti menjalankan kuasanya membicarakan sendiri kesalahan itu membenarkan pendakwaan.

Penggal 22.

### BAHAGIAN III

#### LANTIKAN-LANTIKAN, KUASA-KUASA DAN TUGAS-TUGAS

**9. (1)** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sesiapa jua yang layak dan sesuai menjadi seorang majistret.

Lantikan  
Majistret.

(2) Bagi maksud-maksud menyelenggarakan Akta ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Ketua Majistret yang mempunyai pangkat yang lebih tinggi dari semua majistret lain dan dari semua korona.

**10. (1)** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sesiapa jua yang layak dan sesuai menjadi seorang korona.

Korona.

(2) Seseorang korona yang dilantik di bawah bab ini adalah mempunyai kuasa untuk bertindak selaku seorang majistret bagi maksud menunaikan tugas-tugas seorang majistret di bawah Penggal XXX dari Kanun Peraturan Jenayah dan semua perkara yang dilakukan oleh seseorang korona dalam pada menunaikan tugas-tugas sedemikian adalah sama sahnya dan kesannya seolah-olah tugas-tugas itu telah dilakukan oleh seseorang majistret ; dan berhubung dengan tugas-tugas sedemikian seseorang korona adalah mempunyai kuasa-kuasa yang sama dan menikmati imuniti-imuniti yang sama seolah-olah ianya seorang majistret.

Penggal 7.

Lantikan-lantikan  
Pendaftar dan  
Timbalan-timbalan  
Pendaftar  
Mahkamah-Mahkamah  
Majistret.

Kuasa-kuasa  
dan tugas-tugas  
Timbalan-timbalan  
Pendaftar.

Pegawai-pegawai  
rendah.

Kuasa-kuasa  
dan tugas-tugas  
pegawai-pegawai  
rendah  
tertentu.

Kuasa-kuasa  
istimewa  
bailif-bailif.

**11.** (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang pendaftar dan beberapa timbalan pendaftar yang mungkin perlu bagi Mahkamah-Mahkamah Majistret.

(2) Pendaftar dan timbalan-timbalan pendaftar adalah menjadi pesuruhjaya-pesuruhjaya angkat sumpah kerana jawatannya.

**12.** Tertakluk kepada Aturan-aturan Mahkamah semua kuasa dan tugas yang diberikan dan dikenakan kepada pendaftar boleh dijalankan dan disempurnakan oleh seseorang timbalan pendaftar.

**13.** Maka hendaklah diadakan di mahkamah-mahkamah rendah jurubahasa-jurubahasa, kerani-kerani, bailif-bailif, penghantar-penghantar saman dan pegawai-pegawai lain yang, dari masa ke semasa, pada pendapat Ketua Hakim diperlukan bagi penyelenggaraan keadilan dan melaksanakan semua kuasa dan tugas-tugas yang terletak pada Mahkamah-Mahkamah Majistret.

**14.** Bailif-bailif dan penghantar-penghantar saman hendaklah melaksanakan semua surat dakwa, saman, waran, perintah, notis dan surat perintah termesti yang lain dari Mahkamah-Mahkamah Majistret yang diberikan kepada mereka, dan hendaklah membuat sesuatu pernyata mengenainya serta cara pelaksanaannya kepada mahkamah daripada mana surat perintah mahkamah itu dikeluarkan, dan hendaklah menangkap dan menerima semua orang dan harta-benda yang diserahkan untuk jagaan Mahkamah-Mahkamah Majistret.

**15.** Bailif-bailif dalam melaksanakan apa jua surat perintah rampasan dan jualan atau apa jua surat perintah pelaksanaan atau tahan-harta boleh melakukan kemasukan ke dalam mana-mana bangunan, dan bagi maksud itu jika perlu boleh memecahkan sebarang pintu luar atau dalam atau jendela

bangunan itu atau sebarang bekas di dalamnya, dengan menggunakan kekuatan yang perlu dengan berpatutan untuk melakukan kemasukan.

## BAHAGIAN IV

### BIDANGKUASA

#### Bidangkuasa Jenayah Mahkamah-Mahkamah Majistret

**16.** Sesebuah Mahkamah Majistret yang menjalankan bidangkuasa jenayah adalah mempunyai bidangkuasa dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Kanun Peraturan Jenayah dan apa jua undang-undang bertulis yang lain.

Bidangkuasa  
jenayah  
Mahkamah-  
Mahkamah  
Majistret.  
Penggal 7.

#### Bidangkuasa Sivil Mahkamah-Mahkamah Majistret

**17.** (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Akta ini dan apa jua undang-undang bertulis yang lain dan tertakluk kepada Aturan-aturan Mahkamah, sesebuah Mahkamah Majistret adalah mempunyai bidangkuasa di dalam tiap-tiap langkah perbicaraan sivil jika jumlah wang yang dituntut atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi had yang ditetapkan yang sesuai jika —

Bidangkuasa  
sivil  
Mahkamah-  
Mahkamah  
Majistret.

(a) Sebab tindakan berbangkit di Negara Brunei Darussalam ; atau

(b) pihak kenatuntut atau salah seorang dari pihak-pihak kenatuntut pada ketika dimulakan langkah perbicaraan itu tinggal atau menjalankan perniagaan atau mempunyai harta atau bekerja sendiri kerana mendapatkan faedah di Negara Brunei Darussalam ; atau

(c) kenyataan-kenyataan terhadap mana langkah perbicaraan itu berasaskan wujud atau dikatakan telah berlaku di Negara Brunei Darussalam.

(2) Meskipun jumlah wang yang dituntut atau nilai perkara berkenaan yang dipertikaikan itu melebihi had yang ditetapkan yang sesuai, sesebuah Mahkamah Majistret adalah mempunyai bidangkuasa di dalam mana-mana langkah perbicaraan bagi mendapatkan kembali harta yang tidak boleh digerak, selain dari langkah perbicaraan di dalam mana ada sesuatu pertikaian yang benar tentang hakmilik yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah, yang mana sewa yang kena dibayar berhubung dengan harta sedemikian tidak melebihi \$500 sebulan atau sejumlah wang lain yang mungkin ditetapkan oleh Aturan-aturan Mahkamah berhubung dengan mana-mana kawasan yang ditentukan dalam Aturan-aturan tersebut.

(3) Sesebuah Mahkamah Majistret tidak mempunyai bidangkuasa dalam langkah perbicaraan —

(a) mengenai apa jua tindakan yang dilakukan dengan perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, atau ketua mana-mana Jabatan Kerajaan, atau seseorang hakim atau majistret lain ;

(b) bagi mendapatkan kembali harta tak alih yang ada pertikaian benar tentang hakmilik yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah ;

(c) bagi pembahagian harta tak alih ;

(d) bagi pelaksanaan tertentu atau pembatalan perjanjian-perjanjian ;

(e) bagi pembatalan atau pembetulan suratcara ;

(f) bagi mentafsirkan suratcara amanah atau menguatkuasakan atau mentadbirkan amanah ;

(g) bagi pemberian surat kuasa atau surat-surat mentadbir pusaka berhubung dengan mana-mana orang yang telah meninggal dunia ;

(h) bagi mentafsirkan wasiat atau mentadbirkan harta pusaka dan barang-barang kepunyaan mana-mana orang yang telah meninggal dunia ;

(i) bagi putusan-putusan hakim yang tidak melibatkan hak orang lain.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan perintah meminda mana-mana syarat dari bab ini.

(5) Di dalam bab ini, "had yang ditetapkan yang se-suai" bermakna \$10,000 atau, mengenai Ketua Majistret, \$15,000.

Dengan syarat bahawa Ketua Hakim boleh dari masa ke semasa, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menambah had yang ditetapkan yang sesuai mengenai Ketua Majistret atau mana-mana majistret lain.

#### Rayuan-rayuan civil daripada keputusan-keputusan Mahkamah-Mahkamah Majistret

**18.** (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3) dan syarat-syarat dari apa jua Aturan-aturan Mahkamah dan apa jua undang-undang bertulis yang lain, sesuatu rayuan dalam perkara-perkara civil hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi —

Rayuan-  
rayuan  
Sivil daripada  
Mahkamah-  
Mahkamah  
Majistret.

(a) sebagai hak, daripada sesuatu putusan terakhir sesebuah Mahkamah Majistret di dalam apa jua perbicaraan bagi mendapatkan kembali harta-benda yang tak alih atau di dalam apa jua perbicaraan yang jumlah wang yang dituntut atau nilai harga perkara berkenaan yang dipertikaikan itu melebihi \$500 ;

(b) dengan kebenaran seseorang hakim —

- (i) daripada mana-mana perintah interloktori atau keputusan sesebuah Mahkamah Majistret di dalam mana-mana perbicaraan ;
- (ii) daripada sesuatu putusan terakhir sesebuah Mahkamah Majistret di dalam mana-mana perbicaraan (yang bukan bagi mendapatkan kembali harta-benda yang tak alih yang jumlah wang yang dituntut atau nilai harga perkara berkenaan yang dipertikaikan itu tidak melebihi \$500 ;
- (iii) daripada mana-mana perintah mengenai perbelanjaan perbicaraan sahaja ; atau
- (iv) daripada sesuatu perintah yang dibuat dengan persetujuan pihak-pihak berkenaan.

(2) Rayuan-rayuan sedemikian boleh dibicarakan di hadapan seorang hakim dengan syarat bahawa hakim itu, jika difikirkannya patut, boleh menghadapkan mana-mana rayuan bagi keputusan sesebuah Mahkamah yang terdiri dari 3 orang hakim, dan dalam hal sedemikian rayuan itu hendaklah diputuskan menurut pendapat kebanyakan dari hakim-hakim yang merupakan Mahkamah Tinggi.

(3) Mahkamah Tinggi hendaklah tidak melayani apa jua rayuan di bawah bab ini melainkan pihak merayu telah memenuhi segala syarat merayu yang dikenakan menurut Aturan-aturan Mahkamah atau apa jua undang-undang bertulis yang lain.

Penggal 5.

(4) Di dalam bab ini, "Aturan-aturan Mahkamah" bermakna Aturan-aturan Mahkamah yang dibuat di bawah Akta Mahkamah Besar.

**Pengkajian semula perbicaraan sivil dalam  
Mahkamah-Mahkamah Majistret**

**19.** Mahkamah Tinggi boleh meminta dan memeriksa rekod bagi apa jua perbicaraan sivil di hadapan mana-mana Mahkamah Majistret bagi maksud memuaskan hatinya tentang betulnya, sahnya atau sebarang penghakiman, dan tentang teraturnya apa jua perbicaraan mana-mana mahkamah tersebut.

Kuasa  
Mahkamah  
Tinggi untuk  
meminta  
rekod-rekod  
Perbicaraan  
Sivil dalam  
Mahkamah-  
Mahkamah  
Majistret.

**20.** Berkennaan dengan apa jua perbicaraan sivil di dalam sesebuah Mahkamah Majistret yang rekodnya telah diminta di bawah bab 19, atau sebaliknya sampai ke pengetahuannya, Mahkamah Tinggi boleh memberikan perintah-perintah tertentu mengenainya, sama ada dengan mengarahkan perbicaraan baharu atau lain, yang nampaknya perlu untuk memastikan yang keadilan dilakukan.

Kuasa-kuasa  
Mahkamah  
Tinggi  
mengenai  
pengkajian  
semula  
Perbicaraan  
Sivil.

**21.** Jika sesuatu rayuan berpunca (dengan atau tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi) dari apa jua keputusan pengadilan sesebuah Mahkamah Majistret dalam apa jua perkara sivil, dan tiada sebarang rayuan dihadapkan, tiada sebarang perbicaraan secara pengkajian semula hendaklah dilayani atas permintaan sesuatu pihak yang sepatutnya boleh merayu.

Tidak boleh  
dikaji semula  
atas  
permintaan  
pihak yang  
sepatutnya  
boleh merayu.

**Rayuan sivil oleh Mahkamah-Mahkamah Majistret  
kepada Mahkamah Tinggi**

**22. (1)** Jika di hadapan atau dalam perbicaraan apa jua dakwaan sivil di dalam sesebuah Mahkamah Majistret apa jua soal mengenai undang-undang yang berbangkit terhadap mana-mana Mahkamah itu hendak mendapatkan pendapat Mahkamah Tinggi, maka Mahkamah Majistret itu boleh, sama ada dengan tindakannya sendiri, atau atas permohonan dari mana-mana pihak-pihak berkenaan, membuat pernyataan mengenai hal-hal perkara itu dan masalahnya terhadap mana-mana pendapat adalah dikehendaki, dan merujukkan pernyataan sedemikian dengan pendapatnya sendiri mengenai masalah itu kepada Mahkamah Tinggi.

Rujukan-  
rujukan  
Sivil.

(2) Mahkamah Tinggi boleh membuat sesuatu penetapan atau perintah terhadap rujukan sedemikian yang difikirkannya patut.

## BAHAGIAN V

### AM

#### RAMPAIAN

Perlindungan  
bagi pegawai-  
pegawai  
kehakiman  
dan lain.

**23.** (1) Seseorang pegawai kehakiman tidak boleh didakwa kerana apa jua tindakan yang dilakukan olehnya dalam menunaikan kewajipan kehakimannya sama ada atau tidak dalam had-had bidangkuasanya, dengan syarat bahawa dia pada ketika itu dengan secara jujur mempercayai dirinya mempunyai bidangkuasa untuk melakukan atau memerintahkan tindakan yang diadukan.

(2) Tiada sebarang pegawai sesebuah Mahkamah Majistret yang dipertanggungjawabkan tugas melaksanakan apa jua writ, saman, waran, perintah, notis atau surat perintah termesti yang lain Mahkamah-Mahkamah Majistret boleh didakwa kerana pelaksanaan atau cuba melaksanakan writ, saman, waran, perintah, notis atau surat perintah termesti yang lain, atau bersabit dengan sebarang kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana harta-benda dalam menghasilkan atau cuba menghasilkan pelaksanaan, kecuali dia dengan setahunya telah bertindak dengan melebihi kuasa yang diberikan kepadanya oleh writ, saman, waran, perintah, notis atau surat perintah termesti yang lain mahkamah berkenaan, dan dia tidak boleh dianggap telah bertindak dengan setahunya dengan melebihi kuasanya semata-mata sebab wujudnya sesuatu pertikaian tentang kepunyaan mana-mana harta-benda yang dirampas di bawah mana-mana writ atau perintah pelaksanaan.

Hakim-hakim  
akan  
mempunyai  
kuasa  
Majistret-  
majistret.

**24.** Seseorang hakim adalah, selain dari kuasa-kuasa lain yang mungkin diberikan kepadanya, mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada seseorang majistret oleh mana-mana undang-undang bertulis.

## Aturan-aturan Mahkamah

**25.** (1) Ketua Hakim boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat Aturan-aturan Mahkamah yang mengatur dan menetapkan tatacara (termasuk cara pembelaan) dan amalan yang akan diikuti di dalam Mahkamah-Mahkamah Majistret dalam menjalankan bidangkuasa sivilnya.

Aturan-  
aturan  
Mahkamah.

(2) Kuasa untuk membuat Aturan-aturan Mahkamah adalah diperluaskan kepada semua perkara mengenai tatacara atau amalan, atau perkara-perkara berhubung dengan atau berkenaan dengan kesan atau kuatkuasa dalam undang-undang apa jua tatacara atau amalan atau penguatkuasaan putusan-putusan hakim atau perintah-perintah, dalam mana-mana perkara dalam bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Majistret sendiri dalam menjalankan bidangkuasa sivilnya tentang Aturan-aturan Mahkamah yang mana bagi mengatur amalan dan tatacara Mahkamah Besar telah atau mungkin dibuat dengan sahnya bagi perkara-perkara di dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi.

(3) Dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraian-ceraian (1) dan (2), kuasa untuk membuat Aturan-aturan Mahkamah adalah diperluaskan kepada —

(a) menentukan kadar-kadar elauan-elaun, harga-harga dan bayaran-bayaran yang akan diambil atau dibayar atau dipulangkan kepada mana-mana pihak atau saksi dalam mana-mana perbicaraan sivil di dalam sesebuah Mahkamah Majistret, dan mengatur apa jua perkara berhubung dengan belanja-belanja perbicaraan sedemikian.

(b) menyediakan untuk dihadapkan kepada Mahkamah Tinggi penyata-penyata dan rekod-rekod mengenai perbicaraan sivil di Mahkamah-Mahkamah Majistret,

(c) menentukan buku-buku, daftar-daftar dan kira-kira yang dikehendaki supaya disimpan oleh pendaftar dan bailif-bailif :

(d) memberi kuasa kepada Mahkamah-Mahkamah Majistret untuk merujukkan perbicaraan sivil atau apa jua perkara yang berbangkit dari perbicaraan sivil kepada seseorang pengadil untuk siasatan dan laporan, dan untuk mengarahkan bagaimana rujukan itu hendak diuruskan ;

(e) mengadakan syarat bagi memberikan dan menguatkuasakan jaminan terhadap belanja-belanja perbicaraan atau lain ;

(f) menentukan pejabat atau pejabat-pejabat di mana surat-surat perintah boleh dikeluarkan dan urusan selain dari perbicaraan tindakan dilaksanakan ;

(g) menentukan keadaan-keadaan dan tatacaranya yang perbicaraan boleh dipindahkan daripada sesebuah mahkamah ke sesebuah mahkamah lain ;

(h) menentukan bahagian mana dari urusan itu yang boleh dilaksanakan dan dari bidangkuasa dan kuasa-kuasa yang mana boleh dijalankan oleh seseorang Majistret di dalam mahkamah atau di dalam kamar boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh pendaftar (termasuk syarat-syarat bagi dan mengenai rayuan-rayuan daripada keputusan-keputusan pendaftar) ;

(i) mengarahkan faedah yang akan dibayar ke atas hutang-hutang termasuk hutang-hutang hukuman dan membuat syarat bagi kadar faedah-faedah sedemikian ;

(j) mengatur pengeluaran saman-saman hutang hukuman bagi penzahiran harta atau kemampuan seseorang yang berhutang hukuman dan tatacara dan amalan yang berkaitan dengannya, dan membuat perintah-perintah terhadap siberhutang hukuman bagi pembayaran, dengan beransur-ansur atau lain, bagi

jumlah-jumlah wang yang sepatutnya dibayar di bawah putusan-putusan pengadilan dan perintah-perintah serta penguatkuasaannya dengan dipenjarakan ;

(k) mengkehendaki mana-mana pihak atas permintaan siapa —

- (i) apa jua writ pelaksanaan ;
- (ii) apa jua perintah tangkap atau penjara ;
- (iii) apa jua perintah tahanan harta-benda ; atau
- (iv) apa jua perintah untuk menghadapkan seseorang banduan sebagai saksi.

adalah dikeluarkan, untuk menaruh dari masa ke semasa sejumlah wang untuk memperuntukkan bagi perbelanjaan melaksanakan writ atau perintah atau membawa orang yang akan ditangkap atau orang yang diperintahkan untuk diserahkan ke hadapan Mahkamah atau ke penjara dan bagi saranya semasa dalam jagaan bailif atau dalam penjara dan bagi menjaga pemilikan harta-benda yang ditahan ;

(l) menentukan cara wang di dalam sesebuah Mahkamah Majistret akan dikendalikan.

**Undang-Undang Tambahan**

11 tahun  
1982.  
Penggal 6  
tahun 1951.

Penggal 5.

*Perenggan 8 dari Jadual Kedua (Syarat-Syarat Peralihan) kepada Undang-Undang Mahkamah-Mahkamah Rendah 1982 mempersyaratkan supaya semua Aturan Mahkamah yang diperbuat di bawah bab 25 dari Undang-Undang Mahkamah-Mahkamah yang dimansuhkan dan berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1983 kecuali Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Majistret (Rayuan-Rayuan Sivil) dan apa jua aturan-aturan lain setakat yang aturan-aturan itu mungkin bertentangan dengan syarat-syarat Akta ini dan sebarang Aturan-Aturan Mahkamah yang diperbuat di bawahnya atau mungkin dipinda atau dibatalkan, hendaklah dipakai berkenaan dengan tindakan-tindakan sivil bagi Mahkamah-Mahkamah Majistret tetapi hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada pengubahaian-pengubahaian yang mungkin perlu untuk menyelaraskannya dengan syarat-syarat Akta Mahkamah Besar dan Akta ini atau sebarang Aturan-Aturan Mahkamah yang diperbuat di bawah bab 25.*